



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 11/ 2023 (November Tahun 2023)

تاریخ	تاجوق	بـ
3 November 2023M/ 19 Rabi'ul Akhir 1445H	Integriti Pendokong Kekuatan Ummah	1.
10 November 2023M/ 26 Rabi'ul Akhir 1445H	CHIKADUN	2.
17 November 2023M/ 3 Jamadil Awwal 1445H	Menggali Semangat Al-Jazari	3.
24 November 2023M/ 10 Jamadil Awwal 1445H	Surat Cinta Dari Ilahi	4.
Khutbah Kedua		

دبياءي:



رَكَّةٌ فُلُوْلٌ وَفِينَغٌ

دتریتکن:



جابتني حال إحوال أکام اسلام فولو و فينج



Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





CHIKADUN

10 November 2023M / 26 Rabi'ul Akhir 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَلَّ لِعِبَادِهِ الطَّيِّبَاتِ، وَحَرَمَ عَلَيْهِمُ الْخَبَايِثَ وَالْمُنْكَرَاتِ.
وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ رَبُّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاوَاتِ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، نَبِيُّ الْهُدَى وَالْكَرَامَاتِ.
صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ الْمُصْطَفَى، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ؛ فَاتَّقُوا اللَّهَ عِبَادَ اللَّهِ، قَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾ [آل عمران: 102]

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Saya berpesan kepada diri saya menyeru hadirin yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan, kebahagiaan di dunia dan diakhirat.



Selain itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang hadirin sekalian agar memberi fokus dan mendengar dengan teliti khutbah Jumaat ini. Janganlah leka bermain gajet, tidur dengan sengaja, berbual-bual atau menggerakkan tabung kutipan masjid kerana perbuatan-perbuatan tersebut bertentangan dengan adab mendengar khutbah. Khutbah yang ingin khatib sampaikan hari ini mengenai “**Chikadun.**”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Zaman dulu diancam dengan ancaman penjajah. Kini kita diancam pula dengan penyakit yang mampu mengancam masyarakat iaitu ketagihan chikadun. Apa itu chikadun jemaah sekalian? Ia ialah bahasa anak muda sekarang yang bermaksud dadah. Penggunaan dadah dalam dos yang berlebihan akan merosakkan dan membinasakan sehingga boleh membawa maut.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2022, seramai 129,092 orang rakyat Malaysia terlibat dengan penagihan dadah. Sejumlah 5,431 daripadanya adalah orang perempuan dan selebihnya lelaki. Lingkungan umur yang paling ramai mengambil dadah bermula umur 19 hingga 39 tahun. Kaum yang ramai mengambil dadah adalah kaum Melayu iaitu sebanyak 80.2%.

Bayangkan apa yang akan terjadi jika perkara ini dibiarkan? Bagaimana generasi di waktu itu akan membangunkan negara ini? Kemanakah haluan untuk mencorakkan negara? Mari kita sama-sama fikir bagaimanakah cara terbaik bagi mengawal anak-anak kita dan jiran-jiran



dari terjebak dengan chikadun. Sekiranya ini terjadi, pewarisnya yang akan menerajui negara Malaysia yang kita cintai ini akan semakin hilang.

SIDANG HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Para ulamak mengkiaskan hukum dadah dengan hukum arak kerana terdapat persamaan keduanya dari segi illah (علة) yakni sebab. Secara jelasnya penggunaan dadah yang melebihi dos adalah haram. Ini disebabkan ia memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal fikiran manusia. Firman Allah dalam surah al Baqarah ayat 219:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِنْتُ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ الِّنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا
وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ الْعَفْوُ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: “Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang arak dan judi. Katakanlah, pada kedua-duanya terdapat dosa besar dan beberapa manfaat tentang apa-apa yang harus dinafkahkan (dermakan) oleh mereka. Katakanlah: “(Dermakanlah apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu).” Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir.”

Dadah jenis syabu adalah yang paling popular di seluruh dunia. Dadah ini juga dikenali sebagai ice atau batu. Tahukah jemaah sekalian berapa harga satu tiub syabu? Harganya lebih kurang RM 30.00 bagi setiap tiub. Ia berbentuk serbuk dan biasanya disedut melalui hidung, disuntik atau dihisap untuk keseronokkan dan khayalan. Mungkin inilah sebab yang menjadi



tarikan sebahagian remaja kita untuk mencuba sesuatu yang baru. Perkara ini merupakan peringkat pertama bagi sesuatu ketagihan dadah. Selain mencuba, pelbagai alasan turut diberikan seperti untuk kekal berjaga sehingga lewat malam dan juga kononnya untuk menambah kekuatan fizikal mereka yang sibuk dengan pelbagai urusan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kesan chikadun boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

Kesan kepada diri sendiri:

Ia akan bergaul dengan kawan-kawan di satu *port* (kawasan) sahaja dan menjauhkan diri dari masyarakat. Dia juga lupa tanggungjawab sebagai pelajar di sekolah, ketua keluarga dan sebagai pekerja dek kerana malas, kurang tenaga dan dalam khayalan. Selain itu, mereka akan mudah dijangkiti penyakit *HIV* dan *AIDS* kerana perkongsian jarum.

Kesan kepada keluarga dan masyarakat:

Ada juga keluarga yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Tapi dengan adanya anak yang ketagih dadah membuatkan nama baik keluarga jatuh dengan ejekan masyarakat “*dah la miskin, anak pula hisap dadah*”. Mereka yang ketagihan dadah ini sanggup bertindak agresif untuk mendapatkan wang.

Amat menyedihkan apabila kita disajikan dengan kisah yang mengerikan iaitu kejadian dua tahun yang lalu di mana seorang anak yang ketagihan dadah sanggup menyembelih leher emaknya kerana tidak



memberi wang yang diminta. Peristiwa ini tidak akan terjadi kepada orang yang sihat dan waras. Hanya kerana dadah, manusia hilang pertimbangan.

Kesan kepada negara:

Bagi memulihkan seorang penagih dadah, kerajaan perlu membelanjakan kos yang tinggi. Seorang penagih yang dijatuhkan hukuman maksimum perlu menjalani pemulihan selama 24 bulan maksimum di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN)

Sehingga Ogos 2023, terdapat seramai 6,171 orang penagih yang sedang menjalani pemulihan dengan kos makan minum sahaja sebayak RM40.00 seorang. Selain itu, perbelanjaan turut diperlukan untuk perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah, program pencegahan dan penguatkuasaan seperti menambah bilangan kakitangan Polis, AADK dan Penjara.

SIDANG HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ekoran kesan-kesan yang telah dikongsikan, aktiviti penagihan dadah perlu diatasi dengan segera. Justeru suka khatib cadangkan agar semua mengambil peranan dalam menangani isu ini dengan tiga cara.

Pertama: Laporkan kepada pihak sekolah sekiranya kita melihat perkara yang tidak bermoral ini terjadi kepada seorang pelajar. Pihak PDRM dan pihak sekolah telah mewujudkan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di setiap sekolah bagi menghalang berlakunya salah laku yang melibatkan pelajar. Selamatkan masa depannya sebelum terlambat.



Kedua: Kita sebagai ibu bapa hendaklah memantau setiap aktiviti anak-anak dan hubungan sosial dengan kawan-kawannya. Ibu bapa perlu memberi didikan agama sejak kecil lagi agar mereka dapat memahami hukum Allah, perintah dan larangan-Nya serta dapat membezakan yang hak dan batil.

Ketiga: Saluran maklumat mengenai aktiviti penagihan dadah di kawasan masing-masing juga boleh dibuat melalui aplikasi *whatsapp* yang ada di telefon pintar kita.

Oleh itu, mimbar menyeru sidang jemaah sekalian, marilah kita bersama-sama mengawasi anak-anak kita agar tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Penyalahgunaan dadah perlu dibendung dari seawal usia umur kanak-kanak. Mereka perlu dipelihara bak batu permata yang tersimpan rapi agar mereka terjaga dari anasir-anasir negatif yang membimbangkan dan mengancam tumbesaran mereka.

Biarlah kehadiran seseorang manusia memberi kebaikan kepada ribuan orang, jangan benarkan seorang manusia memberikan keburukan kepada ribuan orang. Bentuklah mereka sebagai umat Islam yang kuat dan memberi manfaat pada masa akan datang bersesuaian dengan sabda

Rasulullah ﷺ :

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ

Maksudnya: “Seorang mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada seorang mukmin yang lemah.”



(Hadis Riwayat Muslim)

Dan firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا ثُلُقُوا بِأَيْدِيهِمْ إِلَى الْتَّهْلِكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya: “Dan belanjakan (harta bendamu) di jalan Allah (untuk menegakkan agama Allah) dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berbuat baik.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَأَيَّاً كُمْ بِهَذِي سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua Bulan November

2023M / 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الْآئِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيْمًا لِشَائِنِهِ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًّا إِلَى رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَّدَ خَلْقَهُ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَاتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيِّمًا حَكِيمًا:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ، يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا أَلَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ نِبِيِّ النَّذِيرِ، وَالسَّرَّاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابِتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تِبْعَهُمْ يَإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعْهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرِمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru para jemaah sekalian agar terus memberikan sokongan padu tanpa berbelah-bagi kepada penduduk Palestin yang sedang dizalimi oleh Regim Zionis melalui serangan tanpa henti di Gaza dan Tebing Barat.



Kita mungkin tidak mampu mengangkat senjata, tetapi kita masih mempunyai kekuatan daripada aspek kewangan. Infakkannya sebahagian rezeki untuk membantu mereka yang ketika ini berada dalam keadaan yang amat menyedihkan serta menjalani kehidupan yang sukar. Selain itu, gunakanlah senjata paling ampuh yakni DOA. Semoga Allah ﷺ menganugerahkan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan buat seluruh umat Islam serta rakyat Palestin khasnya. Semoga bumi Palestin kembali aman dan makmur di bawah rahmat Allah ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ أَذِلِّ الشُّرَكَ وَالْمُشْرِكِينَ، اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَتَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلِسْطِينِ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.

Ya Allah! Muliakan Islam dan orang Islam. Ya Allah! Hinakan Syirik dan musyrikin. Ya Allah! Berilah pertolongan kepada saudara-saudara kami yang muslim, para mujahidin dan golongan-golongan yang lemah di Palestine dan juga di semua tempat dan setiap ketika.”

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنًا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَئِمَّتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزْرَاءَنَا وَوُلَادَةَ أُمُورَنَا.
اللَّهُمَّ وَفَقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزٌّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُضْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهَمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli



Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذِلِكَ صَاحِبُ الْفَخَامَةُ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهَ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُمُ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَدِكُرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٧﴾

دبياًءي:



زَكَاةٌ فُولَوْ فِينُخ

دتربيتكن:



جابتَنْ حَال إِحْوَالِ اَكَامِ اسْلام

فُولَوْ فِينُخ

